

Tatapan umum



DR Muhammad Pauzi menerangkan ciri Rumah Serambi Pahang.

Serdang: Rumah Serambi Pahang yang terletak di Kampung Kelola, Jerantut Pahang akan dipindahkan ke Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor untuk dijadikan khazanah tradisional bagi tatapan generasi akan datang.

Pengarah Muzium Warisan

Melayu UPM Dr Muhammad Pauzi Abd Latif berkata, rumah itu cukup istimewa kerana sepanjang terbabit dengan pencarian rumah lama, inilah satu-satunya yang mempunyai balai dan struktur kayunya masih utuh walaupun berusia 91 tahun.

“Rumah tradisional ini milik penghulu Mukim Ke-

lola, Allahyarham Ismail Khatib Bakar dan isterinya, Allahyarham Tijah Dolah.

“Ia dibina sendiri Ismail pada 1924 dan beliau dikatakan ada pertalian darah dengan Tok Pahlawan Gendut iaitu antara pejuang Pahang yang menentang pendudukan Inggeris di Tanah Melayu,” katanya, di sini, semalam.

Menurutnya, sudah tiga kali dilanda banjir besar iaitu pada 1926, 1971 dan tahun lalu cukup menguji ketahanan rumah tradisional berusia 91 tahun ini untuk diangkat antara kediaman paling unik dan sarat dengan nilai keindahan.

“Rumah ini mempunyai bahagian balai, serambi, rumah induk sebagai ruang privasi keluarga dan dapur.

“Uniknya ia dibina berasaskan kayu cengal dan merbau ini masih utuh seni binanya dan tidak pernah terusik dengan serangan anai-anai,” katanya.

Turut hadir, Naib Canselor UPM Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan.